

**Hilang Percaya Pada Anwar, Lagi Anggota PKR Keluar Parti Di Permatang Pauh Bernama
28 April, 2013**

BUTTERWORTH, 28 April (Bernama) -- Pakatan pembangkang terus menerima tamparan apabila 1,200 anggota Parti Keadilan Rakyat (PKR) dari kubu kuat mereka di Permatang Pauh bertindak keluar parti itu, hari ini dan menyatakan sokongan terhadap Barisan Nasional (BN).

Anggota PKR terdiri daripada masyarakat India itu bertindak demikian selepas hilang kepercayaan terhadap kepimpinan pakatan pembangkang yang gagal menunaikan janji, terutama kepada kaum berkenaan.

Bekas Ketua Kaum India PKR Permatang Pauh N.Ponnusamy berkata kebanyakan mereka menyertai PKR sejak 2004 dan memberikan sokongan kepada pembangkang, namun kecewa setelah dipinggirkan.

"Pemimpin PKR terutama Datuk Seri Anwar Ibrahim (penyandang Parlimen Permatang Pauh) tidak pernah peduli tentang masyarakat India di sini dan mungkin mereka tidak mahu undi kami.

"Seorang pun tidak datang bertanya khabar dan kami rasa terpinggir. Kita boleh cabar Anwar sepanjang jadi wakil rakyat adakah beliau pernah membantu masyarakat India, satu pun tiada," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan borang pengisytiharan keluar daripada PKR di sini hari ini.

Borang tersebut diserahkan kepada calon BN Parlimen Permatang Pauh Dr Mazlan Ismail pada majlis itu yang turut hadiri calon Dewan Undangan Negeri (DUN) Seberang Jaya Datuk Mohd Nasir Abdullah, calon DUN Permatang Pasir Anuar Faisal Yahaya dan calon DUN Penanti Ibrahim Ahmad.

Parlimen Permatang Pauh menyaksikan pertembungan satu lawan satu antara Mazlan dan Anwar. Pada pilihan raya umum lepas ketua pembangkang itu menang dengan majoriti 13,398 undi.

Ponnusamy mendakwa lebih ramai lagi anggota PKR daripada kaum India akan keluar daripada parti itu bagi memberi sokongan kepada BN.

"Esok di Nibong Tebal kira-kira 1,000 anggota PKR kaum India akan keluar parti dan lebih ramai lagi di parlimen lain kerana hilang kepercayaan terhadap Anwar," katanya.

Sementara itu, bekas Setiausaha Agung PKR P.Jenapala berkata kaum India dalam parti itu seolah-olah tiada kepentingan dan pemimpin PKR juga tidak sehaluan dalam membuat keputusan.

"Kalau dia (Anwar) tidak boleh jadi pemimpin untuk kaum India di Permatang Pauh bagaimana nak jadi seorang perdana menteri. Kami bimbang, jika beliau jadi perdana menteri masyarakat India akan menjadi hamba abdi di sini," katanya.

Terdahulu pada majlis berasingan di Kampung Tanah Liat seramai 70 orang termasuk penyokong kuat PKR Permatang Pasir di sini turut bertindak menyertai BN dan menyatakan sokongan kepada calon BN di Permatang Pauh.

Ketua Wanita Umno Bahagian Permatang Pauh Normala Abdul yang menerima borang permohonan kumpulan berkenaan berkata kesemua mereka berjanji untuk terus memberikan sokongan kepada BN terutama Umno di Permatang Pauh.

"Wanita Umno di Permatang Pauh akan meneruskan siri kempen bagi menarik lebih ramai penduduk menyertai dan menyokong BN. Kita juga akan memberi penerangan kepada penduduk tentang apa yang telah dilakukan kerajaan untuk rakyat.

"Anggota wanita kita yang pergi dari rumah ke rumah juga akan menjawab segala tomanan yang dilemparkan pembangkang," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945833>